



PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI

JABATAN WANITA DAN KELUARGA SARAWAK

OACP-JWKS
2021-2025

(SEMAKAN SEMULA)

PERNYATAAN KOMITMEN



PUAN SALMAH BINTI JOBELI
PENGARAH, JWKS

Pelan Antirasuah Organisasi Jabatan Wanita dan Keluarga Sarawak (OACP-JWKS), yang telah dilancarkan pada 7 Disember 2020, menetapkan sebanyak 34 inisiatif strategik yang merangkumi pelan jangka pendek dan jangka panjang. Inisiatif-inisiatif ini dirangka khusus untuk menangani isu berkaitan integriti, tadbir urus, rasuah, salah guna kuasa, serta penyelewengan. Pemantauan pelaksanaan setiap inisiatif tersebut dilaksanakan melalui Sistem SKP-OACP dan dilaporkan secara berkala kepada Jawatankuasa Antirasuah Jabatan Wanita dan Keluarga Sarawak (JAR-JWKS).

Selaras dengan sifatnya sebagai sebuah dokumen merentas masa (*living document*), penerbitan Laporan Semakan Semula Separuh Penggal OACP-JWKS ini bertujuan untuk menilai kemajuan pelaksanaan, mengenal pasti ruang penambahbaikan, serta memastikan kesinambungan usaha yang berkesan sejak Januari 2021. Dokumen ini menjadi landasan penting dalam merealisasikan agenda tadbir urus baik, integriti dan antirasuah secara berterusan.

Saya percaya, dengan komitmen padu dalam memastikan agenda antirasuah terus menjadi keutamaan melalui pendekatan yang telus, sistematik dan berkesan, JWKS mampu merealisasikan kesemua inisiatif yang digariskan dalam tiga (3) bidang keutamaan utama, iaitu Perolehan Awam, Tadbir Urus, dan Pengurusan Program.

Keyakinan ini didukung oleh semangat kerjasama kolektif seluruh warga JWKS yang sentiasa menunjukkan komitmen tinggi dan usaha berterusan dalam memacu pelaksanaan agenda ini. Matlamat utama OACP-JWKS untuk memperkasa integriti, memastikan kecekapan sistem penyampaian, serta memperkukuh usaha membanteras rasuah dan salah guna kuasa akan dapat dicapai melalui kerjasama padu ini.

Sehubungan itu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada semua Bahagian, Seksyen, dan Unit di bawah JWKS atas dedikasi, iltizam, dan usaha gigih yang telah dicurahkan dalam menjayakan semakan semula ini. Semoga usaha murni ini terus menjadi pemangkin kepada peningkatan perkhidmatan yang lebih telus, berintegriti, dan berprestasi tinggi sejajar dengan aspirasi Kerajaan Sarawak untuk membina sistem penyampaian perkhidmatan yang cekap, berwibawa, dan bebas rasuah.

ISI KANDUNGAN

BAB	TAJUK	MUKA SURAT
BAB 1 PENGENALAN	Latar Belakang	1 - 2
	Kerangka Pelan OACP-JWKS 2021 - 2025	3 - 5
	Ringkasan Semakan Semula	6 - 7
BAB 2 OACP JWKS 2021 - 2025 (Mengikut Bidang Keutamaan)	i. Perolehan Awam	8 - 12
	ii. Tadbir Urus	13 - 15
	iii. Pengurusan Program	16 - 18
BAB 3 MEKANISME PEMANTAUAN	Mekanisme Pemantauan	19
	Penghargaan	20

LATAR BELAKANG

JABATAN WANITA DAN KELUARGA SARAWAK

VISI

Wanita Berdikari,
Keluarga Lestari

MISI

Pemeriksaan Wanita dan
Kelestarian Institusi Keluarga
Melalui Keterangkuman Inovasi Sosial

TEMA STRATEGIK

Kecemerlangan
Pemeriksaan
Wanita

Kecemerlangan
Institusi
Keluarga

Kecemerlangan
Operasi

NILAI BERSAMA

Integriti | Profesionalisme | Sikap Kesegeraan & Semangat Sepunya
Baik Hati & Prihatin | Semangat Berpasukan | Berorientasikan Hasil

LATAR BELAKANG

(OACP-JWKS 2021-2025)

Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) Jabatan Wanita dan Keluarga Sarawak (JWKS) dibangunkan selaras dengan Objektif Strategik 2.1 Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019–2023, iaitu merekayasa perkhidmatan awam ke arah tadbir urus baik di bawah Inisiatif 2.1.5, yang mewajibkan setiap agensi sektor awam membangunkan Pelan OACP masing-masing. OACP JWKS 2021–2025 telah berjaya dirangka pada 7 Disember 2020 dan pelaksanaannya bermula pada Januari 2021. Pelan ini merupakan langkah proaktif jabatan dalam memperkukuhkan tadbir urus, meningkatkan integriti, dan memastikan akauntabiliti warga kerja JWKS berada pada tahap yang tertinggi.

Bagi memastikan pelaksanaan OACP ini berada pada landasan yang betul, pelaporan berkala secara suku tahunan dijalankan sebagai mekanisme kawalan dan pemantauan. Kaedah ini adalah selaras dengan garis panduan yang ditetapkan melalui Pekeliling Integriti Sarawak Bil. 1/2019, di mana status pencapaian inisiatif OACP JWKS dibentangkan secara berkala dalam Mesyuarat Jawatankuasa Anti Rasuah (JAR) JWKS.

Seiring dengan keperluan semakin separuh penggal dan mengambil kira penstrukturan semula fungsi Bahagian/Seksyen/Unit di bawah JWKS, semua inisiatif yang telah dipersetujui sebelum ini telah diteliti semula. Langkah ini bertujuan memastikan OACP JWKS kekal relevan serta mampu memenuhi keperluan dan aspirasi semua Bahagian, Seksyen, dan Unit di dalam Jabatan.

Bengkel Semakan Semula OACP JWKS 2021-2025 telah dilaksanakan dalam dua fasa, iaitu:

- Fasa 1: Bengkel Semakan Semula OACP JWKS 2021-2025 pada 13 Januari 2023.
- Fasa 2: Bengkel Pemurnian Semakan Semula OACP JWKS 2021-2025 pada 29-30 April 2024.

Dengan pelaksanaan bengkel-bengkel ini, OACP JWKS 2021-2025 telah diperkemas untuk memastikan dokumen ini kekal sebagai instrumen yang komprehensif dan relevan dalam usaha memantapkan tadbir urus, integriti dan akauntabiliti warga organisasi. JWKS komited untuk terus menjadikan OACP sebagai teras strategik dalam memerangi rasuah dan meningkatkan kecekapan tadbir urus.

KERANGKA OACP-JWKS 2021 - 2025

VISI	PENTADBIRAN JABATAN WANITA DAN KELUARGA SARAWAK BERINTEGRITI DAN BEBAS RASUAH
-------------	---

MISI	MEMBUDAYAKAN AMALAN INTEGRITI YANG TINGGI	MEWUJUDKAN BUDAYA KERJA BEBAS RASUAH
-------------	---	--------------------------------------

MATLAMAT	MENINGKATKAN TAHAP AMANAH, KETELUSAN DAN AKAUNTABILITI DALAM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN	MENUTUP RUANG DAN PELUANG SALAH LAKU RASUAH
-----------------	---	---

BIDANG KEUTAMAAN	PEROLEHAN	TADBIR URUS	PENGURUSAN PROJEK
STRATEGI	Mempertingkatkan Keberkesanan & Ketelusan Perolehan	Meningkatkan Struktur Tadbir Urus Yang Telus dan Berkesanan	Memperkuhkan Kecekapan dan Keberkesanan Pengurusan Projek

PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI JWKS 2020-2024				
Strategi	Objektif Strategi	Inisiatif	Jangka Pendek	Jangka Panjang
3	4	34	1	33

PENCAPAIAN SEPARUH PENGGAL

OACP-JWKS (SEHINGGA DISEMBER 2022)

UNIT INTEGRITI DAN OMBUDSMAN NEGERI
JABATAN KETUA MENTERI

STATUS KEMAJUAN PELAKSANAAN PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI (OACP)
JABATAN WANITA DAN KELUARGA SARAWAK (JWKS)

3

INISIATIF

3

BIDANG KEUTAMAAN


3

STRATEGI

4

OBJEKTIF STRATEGIK

STATUS PENCAPAIAN KESELURUHAN



STATUS PENCAPAIAN

1

INISIATIF JANGKA PENDEK

100

0

INISIATIF JANGKA SEDERHANA

#DI

33

INISIATIF JANGKA PANJANG

94%

KERANGKA OACP-JWKS

(SELEPAS SEMAKAN SEMULA)

VISI

Pentadbiran Jabatan Wanita dan Keluarga Sarawak Berintegriti Tinggi dan Bebas Rasuah

MISI

Membudayakan Amalan Integriti yang Tinggi

Mewujudkan Budaya Kerja Bebas Rasuah

MATLAMAT

Meningkatkan Tahap Amanah, Ketelusan dan Akauntabiliti dalam Penyampaian Perkhidmatan

Menutup Ruang dan Peluang Salah Laku Rasuah

BIDANG KEUTAMAAN

Perolehan Awam

Tadbir Urus

Pengurusan Program

STRATEGI

Memperkukuhkan keberkesanan dan ketelusan perolehan awam

Memperkukuhkan tadbir urus yang telus dan berkesan

Memperkukuhkan keberkesanan pengurusan program

PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI JWKS 2020-2025

Strategi	Objektif Strategi	Inisiatif	Jangka Pendek	Jangka Sederhana	Jangka Panjang
3	3	20	16	0	4

RINGKASAN

(SEBELUM SEMAKAN SEMULA)



BIDANG KEUTAMAAN

- Perolehan
- Tadbir Urus
- Pengurusan Projek



RINGKASAN

(SELEPAS SEMAKAN SEMULA)




BIDANG KEUTAMAAN

- Perolehan Awam
- Tadbir Urus
- Pengurusan Program



BIDANG KEUTAMAAN: PEROLEHAN AWAM



BIDANG KEUTAMAAN : PEROLEHAN AWAM

STRATEGI 1

MEMPERKUKUHKAN KEBERKESANAN DAN
KETELUSAN PEROLEHAN AWAM

OBJEKTIF
STRATEGI 1.1

Meningkatkan keberkesanan dan ketelusan Perolehan
Awam

BIDANG KEUTAMAAN: PEROLEHAN AWAM

BIDANG KEUTAMAAN		PEROLEHAN AWAM			
Strategi 1		Mempertingkatkan Keberkesanan dan Ketelusan Perolehan Awam			
Objektif Strategi 1.1		Memperkukuhkan kerangka perolehan awam			
Bil	Risiko	Inisiatif		Peneraju	Tempoh Masa
[1.1.1]	Ketidakpatuhan kepada Arahan Perbendaharaan.	[1.1.1] **	Menguatkan kepatuhan kepada Arahan Perbendaharaan (Treasury Instruction - AP100A) 1996.	Bahagian Kewangan	5 Tahun
		[1.1.2] **	Mengeluarkan Memo Dalaman untuk penguatkuasaan arahan.	Bahagian Kewangan	1 Tahun

BIDANG KEUTAMAAN		PEROLEHAN AWAM			
Strategi 1		Mempertingkatkan Keberkesanan dan Ketelusan Perolehan Awam			
Objektif Strategi 1.2		Meningkatkan ketelusan perolehan awam, pengurangan risiko rasuah, penyelewengan pasaran dan anti persaingan			
Bil	Risiko	Inisiatif		Peneraju	Tempoh Masa
[1.2.1] **	Pemalsuan dalam tuntutan TNT & OT.	[1.2.1] **	Memastikan setiap tuntutan mesti disahkan dan dikepilkan bersama dokumen sokongan.	Bahagian Kewangan	5 Tahun
		[1.2.2] **	Melaporkan sebarang salah laku atau tuntutan palsu kepada Ketua Jabatan dengan segera.	Bahagian Kewangan	5 Tahun
		[1.2.3] **	Memperkenalkan mekanisme pemantauan (Jadual Tuntutan) bagi segala tuntutan yang dibuat oleh pegawai.	Bahagian Kewangan	5 Tahun
		[1.2.4] **	Memastikan kakitangan dilengkapi dengan pengetahuan yang berkaitan dengan kewangan (TI:Arahan Perbendaharaan/ Memasukkan sesi perkongsian perkara TI semasa Mesyuarat Kewangan).	Bahagian Kewangan	5 Tahun
		[1.2.5] **	Mengenakan tindakan punitif terhadap penyelia atau/dan pegawai yang terlibat.	Sumber Manusia/ Unit Integriti	5 Tahun

NOTA:

[] Merujuk kepada Nombor Rujukan Risiko/ Inisiatif Asal Dalam OACP-JWKS 2021-2025

* Merujuk kepada Inisiatif Baha

** Merujuk kepada Inisiatif Digugurkan

BIDANG KEUTAMAAN: PEROLEHAN AWAM

BIDANG KEUTAMAAN		PEROLEHAN AWAM			
Strategi 1		Mempertingkatkan Keberkesanan dan Ketelusan Perolehan Awam			
Objektif Strategi 1.2		Meningkatkan ketelusan perolehan awam, pengurangan risiko rasuah, penyelewengan pasaran dan anti persaingan			
Bil	Risiko	Inisiatif		Peneraju	Tempoh Masa
[1.2.2] **	Menyembunyikan maklumat dan Dokumen Sokongan bagi tuntutan.	[1.2.2.6] **	Mengeluarkan arahan kepada setiap kakitangan menyimpan salinan pendua bagi setiap tuntutan.	Bahagian Kewangan	5 Tahun
		[1.2.2.7] **	Memantau Buku Rekod Penerimaan/ Log setiap bulan.	Bahagian Kewangan/ Audit Dalam Jabatan	5 Tahun
[1.2.3] **	Ketidakecapan dari segi pengurusan sebut harga.	[1.2.3.8] **	Menguatkuasakan peraturan pembelian berdasarkan Arahan Perbendaharaan (Treasury Instruction - AP100A) 1996.	Bahagian Kewangan	5 Tahun
		[1.2.3.9] **	Menghantar email atau secara <i>hardcopy</i> peringatan kepada pegawai yang bertanggungjawab bagi memastikan sebut harga lengkap sebelum kelulusan hakiki. (Salinan Pengarah dan Pemegang Waran).	Bahagian Kewangan	5 Tahun
		[1.2.3.10] **	Mewajibkan setiap ahli JPT menandatangani/ initial di setiap mukasurat Minit Mesyuarat JPT.	Bahagian Kewangan	5 Tahun
[1.2.4] **	Mengadakan Pakatan pemilihan antara vendor dan Pegawai Kenderaan Jabatan (PKJ).	[1.2.4.1] **	Memastikan sebutharga yang berpatutan disertakan dengan spesifikasi dan diperiksa mengikut spesifikasi dan peraturan.	Sumber Manusia/ Pegawai Kenderaan JWKS	5 Tahun
[1.2.5] **	Penyelewengan dalam mengemukakan sebut harga oleh Vendor.	[1.2.5.12] **	Menguatkuasakan sistem kajian pasaran bagi setiap pembelian.	Bahagian Kewangan	5 Tahun
		[1.2.5.13] **	Mengemaskini Senarai Panel dari State Financial Secretary (SFS).	Bahagian Kewangan	5 Tahun
		[1.2.5.14] **	Menyemak maklumat vendor menggunakan Contractors Registration Information System (CoRIS)/ Jabatan Pembangunan Kemahiran.	Bahagian Kewangan	5 Tahun
		[1.2.5.15] **	Memperkenalkan sistem tapisan integriti dalam pemilihan vendor.	Bahagian Kewangan	5 Tahun
		[1.2.5.16] **	Mengadakan Naziran dalaman bagi mengenalpasti kelemahan dan pelanggaran tatacara perolehan.	Bahagian Kewangan	5 Tahun

NOTA:

[] Merujuk kepada Nombor Rujukan Risiko/ Inisiatif Asal Dalam OACP-JWKS 2021-2025

* Merujuk kepada Inisiatif Baha

** Merujuk kepada Inisiatif Digugurkan

BIDANG KEUTAMAAN: PEROLEHAN AWAM

BIDANG KEUTAMAAN		PEROLEHAN AWAM			
Strategi 1		Mempertingkatkan Keberkesanan dan Ketelusan Perolehan Awam			
Objektif Strategi 1.2		Meningkatkan ketelusan perolehan awam, pengurangan risiko rasuah, penyelewengan pasaran dan anti persaingan			
Bil	Risiko	Inisiatif		Peneraju	Tempoh Masa
[1.2.6] **	Perolehan melalui Tender.	[1.2.5.17] **	Melaksanakan Integrity Pact bagi setiap kontrak kepada vendor.	Unit Integriti	5 Tahun
		[1.2.5.18] **	Memastikan pelantikan ahli-ahli jawatankuasa tender mestilah tidak menganggotai Jawatankuasa Tender yang lain.	Sumber Manusia/ Bahagian Kewangan	5 Tahun
		[1.2.5.19] **	Mengadakan minit penggiliran untuk ahli-ahli jawatankuasa tender secara berkala.	Sumber Manusia/ Bahagian Kewangan	5 Tahun
		[1.2.5.20] **	Menguatkuasakan pematuan penggunaan Peti Tender bagi sebarang dokumen yang melibatkan permohonan tender/Sebutharga.	Bahagian Kewangan	5 Tahun

BIDANG KEUTAMAAN		PEROLEHAN AWAM			
Strategi 1		Memperkuatkan keberkesanan dan ketelusan perolehan awam			
Objektif Strategi 1.1		Meningkatkan keberkesanan dan ketelusan perolehan awam			
Bil	Risiko	Inisiatif		Peneraju	Tempoh Masa
1.1.1 *	Ketidakpatuhan kepada Arahan Perbendaharaan Pindaan 2023 (99a, 99e, 103) dan Pekeliling yang berkuatkuasa (1. Surat Pekeliling Perbendaharaan Negeri Sarawak No.PP: 4/2017: Tuntutan Pegawai Awam Secara Atas Talian, 2. Pekeliling Perbendaharaan No. PP: 01/2014 berkaitan Baucar Bayaran T.300 (Disemak 2013) dan Dokumen Sokongan Pembayaran.	1.1.1.1 *	Memantapkan pematuan Prosedur MS ISO 9001:2015 Pengurusan Perolehan (Prosedur Pembayaran).	Bahagian Khidmat Pengurusan (Seksyen Kewangan)	1-2 Tahun
		1.1.1.2 *	Menambahbaik mekanisme kawalan dalaman mengenai pengurusan pembayaran.	Bahagian Khidmat Pengurusan (Seksyen Kewangan)	5 Tahun
		1.1.1.3 *	Memperkuatkan pemantauan pematuan AP dan Pekeliling yang berkuatkuasa.	Bahagian Khidmat Pengurusan (Seksyen Kewangan)	1-2 Tahun
	<ul style="list-style-type: none"> - Pembayaran bil/invois tanpa dokumen lengkap - Certification work done dibuat oleh bukan pegawai yang bertanggungjawab - Certification work done sebelum sempurna perkhidmatan/bekalan - Pembayaran honorarium terlebih dibayar kepada fasilitator/penceramah - Kelulusan tuntutan tanpa semakan penyelia - Pemalsuan invois 				

NOTA:

[] Merujuk kepada Nombor Rujukan Risiko/ Inisiatif Asal Dalam OACP-JWKS 2021-2025

* Merujuk kepada Inisiatif Baha

** Merujuk kepada Inisiatif Digugurkan

BIDANG KEUTAMAAN: PEROLEHAN AWAM

BIDANG KEUTAMAAN		PEROLEHAN AWAM			
Strategi 1		Memperkukuhkan keberkesanan dan ketelusan perolehan awam			
Objektif Strategi 1.1		Meningkatkan keberkesanan dan ketelusan perolehan awam			
Bil	Risiko	Inisiatif		Peneraju	Tempoh Masa
1.1.2 *	Ketidakpatuhan kepada Tatacara Perolehan bagi pengurusan tender dan sebutharga, pembelian terus dan Common Items. - Pakatan dengan pembekal perkhidmatan - Kebocoran maklumat tender dan sebutharga - Perbelanjaan Common Items dibayar tanpa kelulusan Jawatankuasa Pembelian Terus (JPT)	1.1.2.1 *	Penguatkuasaan atau pematuhan kepada Tatacara Perolehan dan Pekeliling-pekelling yang berkuatkuasa.	Bahagian Khidmat Pengurusan (Seksyen Kewangan/ Pentadbiran)	1-2 Tahun
		1.1.2.2 *	Menambahbaik kawalan dalaman mengenai Pengurusan Perolehan Jabatan.	Bahagian Khidmat Pengurusan (Seksyen Kewangan)	5 Tahun
		1.1.2.3 *	Pematuhan Prosedur MS ISO 9001:2015 Pengurusan Perolehan.	Bahagian Khidmat Pengurusan (Seksyen Pentadbiran)	1-2 Tahun
1.1.3 *	Ketidakpatuhan kepada Pekeliling Kemudahan Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak dan Perintah Am Sarawak - Pembelian kasut dan pakaian seragam (1. Surat Pekeliling No.10/2017: Pembelian Baju Korporat Bagi Kakitangan yang Layak Dalam Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak, 2. Pekeliling Perjawatan Negeri Sarawak Bil.11/2014: Pindaan Kadar Baharu Pakaian Seragam) - Tuntutan pegawai yang tidak munasabah berkaitan dengan tambang dan pengangkutan (Perintah Am 66, 67 & 69)	1.1.3.1 *	Memantapkan pematuhan kepada Pekeliling Kemudahan Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak dan Perintah Am Sarawak yang berkuatkuasa.	Bahagian Khidmat Pengurusan (Seksyen Kewangan/ Sumber Manusia)	1-2 Tahun


NOTA:

[] Merujuk kepada Nombor Rujukan Risiko/ Inisiatif Asal Dalam OACP-JWKS 2021-2025

* Merujuk kepada Inisiatif Baha

** Merujuk kepada Inisiatif Digugurkan

BIDANG KEUTAMAAN: TADBIR URUS



BIDANG KEUTAMAAN : TADBIR URUS

STRATEGI 2

MEMPERKUKUHKAN TADBIR URUS YANG TELUS DAN BERKESAN

OBJEKTIF STRATEGI 2.1

Memantapkan pengurusan Jabatan ke arah Tadbir Urus yang baik

Bab 2 [Senarai Inisiatif]

BIDANG KEUTAMAAN: TADBIR URUS

BIDANG KEUTAMAAN		TADBIR URUS			
Strategi 1		Meningkatkan Struktur Tadbir Urus yang Telus dan Berkesan			
Objektif Strategi 1.1		Merekayasa perkhidmatan awam ke arah Tadbir Urus Baik			
Bil	Risiko	Inisiatif		Peneraju	Tempoh Masa
[2.1.1] **	Salah kuasa atau kedudukan dalam proses pengurusan Geran #usahawanjwks	[2.1.1] **	Pematuhan sepenuhnya SOP Pemilihan Geran #usahawanjwks.	Teras 1: Pemerkasaan Ekonomi Wanita	5 Tahun
		[2.1.2] **	Memberikan penekanan elemen integriti dan nilai insan berkenaan dengan pentadbiran pejabat.	Sumber Manusia/ Unit Integriti	5 Tahun
		[2.1.3] **	Pelaporan status Pelaksanaan Geran #usahawanjwks pada Mesyuarat Pengurusan Tertinggi (MPT) dan Mesyuarat Kakitangan (MK) setiap bulan.	Teras 1: Pemerkasaan Ekonomi Wanita	5 Tahun
		[2.1.4] **	Mengenakan tindakan punitif terhadap penyelia atau/dan pegawai yang terlibat dalam salahguna kuasa dalam pemberian Geran #usahawanjwks.	Sumber Manusia/ Unit Integriti	5 Tahun
[2.1.2] **	Ketidakpatuhan kepada Perintah Am 156 (1) berkenaan penerimaan hadiah dan cenderahati	[2.1.5] **	Menguatkuasa Perintah Am 156 (1) 1996 berkenaan penerimaan hadiah dan cenderahati.	Sumber Manusia/ Unit Integriti	5 Tahun
		[2.1.6] **	Memberikan penekanan elemen integriti dan nilai insan berkenaan dengan pentadbiran pejabat.	Sumber Manusia/ Unit Integriti	5 Tahun
		[2.1.7] **	Mengenakan tindakan punitif terhadap penyelia atau/dan pegawai yang tidak patuh Perintah Am 156 (1) 1996.	Sumber Manusia/ Unit Integriti	5 Tahun

NOTA:

[] Merujuk kepada Nombor Rujukan Risiko/ Inisiatif Asal Dalam OACP-JWKS 2021-2025

* Merujuk kepada Inisiatif Baha

** Merujuk kepada Inisiatif Digugurkan

BIDANG KEUTAMAAN: TADBIR URUS

BIDANG KEUTAMAAN		TADBIR URUS			
Strategi 2		Memperkukuhkan tadbir urus yang telus dan berkesan			
Objektif Strategi 2.1		Memantapkan pengurusan jabatan ke arah tadbir urus yang baik			
Bil	Risiko	Inisiatif		Peneraju	Tempoh Masa
2.1.1 *	Ketidakpatuhan kepada Pekeliling Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak yang sedang berkuatkuasa (Surat Pekeliling Setiausaha Kewangan Negeri Bil.10/2022: Pelaksanaan Manual Pengurusan Aset Menyeluruh Kerajaan Negeri Sarawak) - Ketidaktelusan dalam pengendalian aset alih kerajaan	2.1.1 *	Memperkasakan pengurusan Aset Jabatan.	Bahagian Khidmat Pengurusan (Pentadbiran)	1-2 Tahun
2.1.2 *	Ketidakpatuhan kepada Arahan Keselamatan (Personel, Dokumen dan Bangunan) - Maklumat Sulit Sumber Manusia dan Kaunseling	2.1.2 *	Memperkasakan pematuhan kepada Arahan Keselamatan (Personel, Dokumen dan Bangunan).	Bahagian Khidmat Pengurusan (Pentadbiran)	1-2 Tahun
2.1.3 *	Salahguna kedudukan dalam proses Pengurusan Program/Projek/Sumber Manusia.	2.1.3.1 *	Menambahbaik Prosedur MS ISO 9001:2015 Jabatan.	Bahagian Khidmat Pengurusan (Pentadbiran)	5 Tahun
		2.1.3.2 *	Membudayakan nilai integriti di kalangan warga kerja.	Unit Integriti	1-2 Tahun
2.1.4 *	Pakatan di antara pegawai dan kontraktor dalam pemantauan projek Jabatan.	2.1.4.1 *	Memantapkan kompetensi pegawai.	Bahagian Khidmat Pengurusan (Sumber Manusia/ Pentadbiran)	1-2 Tahun
		2.1.4.2 *	Membudayakan nilai integriti di kalangan warga kerja.	Unit Integriti	1-2 Tahun


NOTA:

[] Merujuk kepada Nombor Rujukan Risiko/ Inisiatif Asal Dalam OACP-JWKS 2021-2025

* Merujuk kepada Inisiatif Baha

** Merujuk kepada Inisiatif Digugurkan

BIDANG KEUTAMAAN: PENGURUSAN PROGRAM



BIDANG KEUTAMAAN : PENGURUSAN PROGRAM

STRATEGI 3

MEMPERKUKUHKAN KEBERKESANAN PENGURUSAN PROGRAM

OBJEKTIF STRATEGI 3.1

Meningkatkan kecekapan Pengurusan Program

BIDANG KEUTAMAAN: PENGURUSAN PROGRAM

BIDANG KEUTAMAAN		PENGURUSAN PROJEK			
Strategi 3		Memperkuhkan Kecekapan dan Keberkesanan Pengurusan Projek			
Objektif Strategi 3.1		Meningkatkan Kecekapan dan Keberkesanan Pengurusan Program/ Projek			
Bil	Risiko	Inisiatif		Peneraju	Tempoh Masa
[3.1.1] **	Penyelewengan dalam pelaksanaan program/ projek	[3.1.1] **	Melaksanakan Integrity Pact bagi setiap kontrak kepada pegawai dan vendor.	Unit Integriti	5 Tahun
		[3.1.1.2] **	Memberikan penekanan elemen integriti dan nilai insan berkenaan dengan pentadbiran pejabat iaitu Pembudayaan Integriti melalui peringatan sistem siaraya: Membudayakan integriti di JWKS <ul style="list-style-type: none"> i. Memainkan Video Integriti sebelum Mesyuarat (Pre-Mesyuarat) ii. Sudut Integriti di Lobi Utama dan Resource Centre, Wisma Wanita iii. Mewujudkan saluran aduan dalaman integriti (Peti Cadangan/ Aduan) 	Sumber Manusia / Unit Integriti	5 Tahun
		[3.1.1.3] **	Memanjangkan penekanan elemen integriti dan nilai insan berkenaan dengan pentadbiran pejabat iaitu Pembudayaan Integriti melalui peringatan sistem siaraya: Membudayakan integriti di JWKS <ul style="list-style-type: none"> i. Sudut Integriti di JWKS@Bahagian 	Sumber Manusia / Unit Integriti	5 Tahun
		[3.1.1.4] **	Menyebarkan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 kepada kakitangan Jabatan.	Unit Integriti	5 Tahun
[3.1.2] **	Pakatan diantara Pemohon dan Pegawai untuk mendapatkan Geran #usahawanjwks	[3.1.1.5] **	Menguatkuasakan <i>Integrity Pact</i> kepada urusetia Geran #usahawanjwks: <ul style="list-style-type: none"> i. Pengurusan Projek Khas ii. Lawatan Tapak iii. Menambahbaik SOP Program/ projek dengan memasukkan elemen integriti 	Unit Integriti	5 Tahun

NOTA:

[] Merujuk kepada Nombor Rujukan Risiko/ Inisiatif Asal Dalam OACP-JWKS 2021-2025

* Merujuk kepada Inisiatif Baha

** Merujuk kepada Inisiatif Digugurkan

BIDANG KEUTAMAAN: PENGURUSAN PROGRAM

BIDANG KEUTAMAAN		PENGURUSAN PROGRAM			
Strategi 3		Memperkuuhkan keberkesanan pengurusan program			
Objektif Strategi 3.1		Meningkatkan kecekapan pengurusan program			
Bil	Risiko	Inisiatif		Peneraju	Tempoh Masa
3.1.1 *	Pakatan di antara pegawai dan pembekal/vendor dalam pembekalan perkhidmatan/bekalan bagi pelaksanaan program.	3.1.1 *	Memastikan Prosedur MS ISO 9001:2015 Pengurusan Geran dan Bantuan, Pengurusan Kursus, Pengurusan Bengkel, dan Pengurusan Acara dipatuhi.	BPKWK, BPWK, BSSA	1-2 Tahun
		3.1.2 *	Membudayakan nilai integriti di kalangan warga kerja.	Unit Integriti	1-2 Tahun
3.1.2 *	Ketidakpatuhan terhadap Garis Panduan Pengurusan Hadiah untuk Perkhidmatan Awam Sarawak Pekeliling Integriti Negeri Sarawak Bil. 1/2021.	3.1.2.1 *	Memastikan Garis Panduan Pengurusan Hadiah untuk Perkhidmatan Awam Sarawak Pekeliling Integriti Negeri Sarawak Bil. 1/2021 dipatuhi.	Unit Integriti	1-2 Tahun
3.1.3 *	Ketidaktelusan dalam pengurusan permohonan Geran Pemerksaan NGO.	3.1.3.1 *	Menambahbaik Prosedur MS ISO 9001:2015 Pengurusan Geran dan Bantuan.	BPKWK, BPWK	5 Tahun
3.1.4 *	Pakatan di antara pegawai dan NGO dalam pengurusan permohonan Geran Pemerksaan NGO.	3.1.4.1 *	Membudayakan nilai integriti di kalangan warga kerja.	Unit Integriti	1-2 Tahun
3.1.5 *	Ketidaktelusan dalam pengurusan permohonan Bantuan Keusahawanan Jabatan.	3.1.5.1 *	Memastikan Prosedur MS ISO 9001:2015 Pengurusan Geran dan Bantuan dipatuhi.	BPKWK (Seksyen Pemerksaan Ekonomi)	1-2 Tahun
3.1.6 *	<i>Conflict of Interest</i> dalam pengurusan permohonan Bantuan Keusahawanan Jabatan.	3.1.6.1 *	Membudayakan nilai integriti di kalangan warga kerja.	Unit Integriti	1-2 Tahun

NOTA:

[] Merujuk kepada Nombor Rujukan Risiko/ Inisiatif Asal Dalam OACP-JWKS 2021-2025

* Merujuk kepada Inisiatif Baha

** Merujuk kepada Inisiatif Digururkan

UNIT INTEGRITI JWKS

(URUS SETIA)

**Jawatankuasa Tatakelola (JTK) JWKS
dipengerusikan oleh Ketua Jabatan**

- Pembentangan status pencapaian pelaksanaan inisiatif di bawah OACP
- Mengenalpasti penyelesaian terbaik
- Membuat keputusan untuk penambahbaikan



**Suruhanjaya Pencegahan
Rasuah Malaysia (SPRM)
melalui AIMS**

- Memantau & mengemukakan pelaporan pelaksanaan inisiatif OACP JWKS ke SPRM melalui Agency Integrity Management System (AIMS)

**Pelaporan melalui Sistem
Kemajuan Pelaksanaan (SKP)
OACP**

- Mengemukakan pelaporan pelaksanaan inisiatif secara suku tahun kepada Unit Integriti dan Ombudsman melalui Sistem Kemajuan Pelaksanaan (SKP) OACP

PENGHARGAAN

PENGURUSAN TERTINGGI JWKS

Puan Salmah binti Jobeli

Puan Marie Lee Mei Li

Puan Khadijah binti Ali Othman

Puan Mazalina binti Rapae

Encik Ahmad Ilyassin bin Azman

Puan Un Siew Yen

Cik Rayhana binti Talib

Cik Dayang Nurfaizera binti Awang Ahmad

Encik Yeo Kian Hin

Puan Norhayati binti Basri

FASILITATOR OACP

Puan Susan Steward Ngau Ding


Pegawai CeIO, Sarawak Land Consolidation and Rehabilitation Authority (SALCRA),

Cik Mawar binti Ahmad

Pegawai CeIO, Regional Corridor Development Authority (RECODA)

&

semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menyediakan pelan OACP-JWKS (Semakan Semula)



JABATAN WANITA DAN KELUARGA SARAWAK

**WISMA WANITA
JALAN BAKTI OFF, JALAN SULTAN TENGAH
SEMARIANG, 93050 PETRA JAYA
KUCHING, SARAWAK**

Telefon : 082 512 666
Faks : 082 447937
Emel : jwks@sarawak.gov.my
Laman web : jwks.sarawak.gov.my

